

BAB 1

Latar Belakang Kajian

Menjelang abad ke 21 dan kegembilangan dunia teknologi maklumat, memperlihatkan satu cabaran baru dalam dunia global yang begitu pesat berubah. Oleh itu kita bukan sahaja wajar berpandangan jauh tetapi juga mesti mula melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, dan kemahiran yang lebih tinggi sejajar dengan arus kemajuan ini. Keupayaan berfikir secara kritis dianggap sebagai satu sifat manusia yang penting bagi menikmati kehidupan yang serba moden dan mencabar ini. Keupayaan berfikir secara kritis inilah yang ingin dilahirkan serta diberi penekanan di sekolah-sekolah di negara ini.

Falsafah Pendidikan Negara juga telah memberi penekanan khusus kepada kualiti dalam pendidikan dan menekankan juga aspek perkembangan intelek ini yang dihuraikan sebagai ‘sentiasa berfikir secara kreatif dan berusaha untuk mengembangkan daya pemikirannya supaya individu mampu menghurai, mencerakin, menaakul, merumus dan menghasilkan idea-idea bernalas’. Falsafah Pendidikan Negara menekankan pendidikan berkualiti, pendidikan yang dapat mewujudkan masyarakat berilmu, masyarakat maklumat berteknologi tinggi, masyarakat yang bergantung kepada literasi peringkat tinggi, masyarakat yang mengutamakan kecekapan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Cita-cita tinggi negara di bidang pendidikan ini tidak akan tercapai sekiranya ramai pelajar tidak dapat membaca dengan cekap, dan tidak memahami mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang. Aspek pemahaman pembacaan ini penting kerana mempunyai kaitan dengan pencapaian akademik yang lebih tinggi kerana seseorang yang

cekap membaca dan menulis lazimnya menunjukkan prestasi akademik yang lebih baik, bersikap positif terhadap sekolah dan tidak akan dilanda oleh gangguan psikologi kerana tercicir dalam pelajaran (Safiah Othman, 1997).

Pemahaman pembacaan bukan sahaja perlu kepada pengetahuan tentang makna perkataan dalam ayat tetapi juga perlu tahu makna ayat-ayat dalam setiap perenggan yang ditulis oleh pengarang. Aktiviti pemahaman melibatkan kemampuan seseorang memahami maksud pengarang dan mungkin boleh mentafsir lebih jauh daripada fakta literal yang tertulis hinggalah kepada maksud yang tersirat. Tafsiran pembaca tentang bahan yang dibaca pula mungkin berbeza-beza di antara satu dengan yang lain.

Kajian-kajian telah menunjukkan pembaca-pembaca yang berjaya mempunyai pengetahuan tentang strategi pemahaman pembacaan dan boleh memantau penggunaan strategi tersebut (Weaver, 1988). Penggunaan strategi-strategi metakognisi tidak timbul dengan sendirinya tetapi adalah satu perkara yang dapat diajar secara eksplisit (Safiah Othman, 1997).

Selain itu kajian-kajian yang meninjau kesan penggunaan strategi metakognisi terhadap pemprosesan teks menunjukkan bahawa seseorang yang mempunyai strategi-strategi metakognisi dapat memahami teks dengan lebih baik (Safiah Othman, 1997). Penggunaan strategi-strategi itu dapat meningkatkan pemahaman, khususnya dapat membawa ke arah pembacaan kritis dan pemikiran peringkat tinggi. Pemahaman dapat dicapai kerana semasa membaca, pelajar tahu bagaimana hendak menggunakan strategi-strategi yang fleksibel. Dengan kata lain, semasa membaca dia dapat memantau pemahamannya. Kebolehan memantau ini menunjukkan pembaca itu sedar dan tahu

tentang strategi-strategi yang boleh digunakan dan sedang digunakan. Wray (1994) menerangkan konsep pemantauan bacaan merangkumi kebolehan mengawasi sendiri proses-proses pemahaman dan mengambil langkah pemulihan yang sesuai apabila pembaca itu mula sedar bahawa pemahamannya telah terganggu.

Pelajar mempunyai banyak peluang dan masa untuk mengamalkan atau menguji penggunaan strategi metakognisi pemahaman pembacaan di samping melaksanakannya dalam pelbagai situasi. Dengan cara ini pelajar-pelajar bukan sahaja dapat mengenalpasti strategi yang sesuai dengan mereka malahan strategi yang sesuai dengan tujuan bacaan tersebut. Terdapat beberapa teknik yang boleh membantu pelajar menggunakan strategi membaca seperti yang digariskan oleh Sharon B. Kletzien dan Maryanne R. Bedner (1988) iaitu:

- a. Memperkenalkan model strategi membaca seperti penggunaan struktur teks, penggantian kata, pembayang dan membuat kesimpulan.
- b. Berbincang tentang bagaimana pelajar dan guru memahami tugas membaca (reading tasks) untuk membantu pelajar membentuk fleksibiliti dengan strategi-strategi yang mereka ketahui.
- c. Berikan masa kepada pelajar untuk berlatih menggunakan strategi-strategi tersebut supaya mereka boleh menggunakan secara independent.
- d. Galakkan pelajar untuk menilai keberkesanan strategi-strategi ini setelah sesuatu tugas membaca tersebut selesai dan kenalpasti strategi-strategi tambahan yang boleh digunakan.

Kesimpulannya, penggunaan strategi-strategi metakognisi adalah seiring dengan

pembacaan yang berkesan dan pemikiran kritis. Sebenarnya penekanan terhadap aspek intelek dan pemikiran kritis di sekolah ini bukanlah di negara kita sahaja malah di seluruh dunia, seperti kata Mc Peck (1981),

Being in favour of critical thinking in our schools therefore is a bit like favouring justice or a clean environment : it meets with general approval from the outset.

(Mc Peck, 1981:1).

Kenyataan masalah.

Masalah yang dihadapi oleh pelajar di semua peringkat persekolahan ialah mempelajari dan mengingat maklumat yang banyak semasa membaca. Kesukaran untuk memahami petikan yang dibaca mempunyai hubungan yang rapat dengan kegagalan pelajar untuk melibatkan diri secara aktif semasa proses membaca. Jika seseorang pelajar ingin memahami apa yang dibaca, dia terlebih dahulu mesti tahu tujuan membaca sama ada untuk mendapatkan maklumat, menyelesaikan masalah, mengikut arahan, membaca untuk tujuan hiburan, membuat kesimpulan atau kritikan.

Smith (1978) menekankan bahawa asas kepada pemahaman pembacaan ialah kebolehan pembaca membuat ramalan. Tambahnya lagi, kemahiran meramal ini diperolehi daripada pengetahuan sedia ada atau pengetahuan yang terdapat di dalam minda seseorang pembaca. Widdowson (1979) pula melihat pembacaan daripada perspektif teks. Menurut beliau, sesuatu teks tidak boleh mengandung secara eksplisit semua maklumat yang hendak disampaikan kepada pembaca. Pembaca perlu menggunakan pengetahuan sedia ada untuk mendapatkan makna daripada teks yang dibaca.

Dalam peningkatan bahasa, pemahaman merangkumi kedua-dua proses ‘top-down’ dan ‘bottom-up’. Pemahaman pembacaan memerlukan beberapa proses seperti mengenalpasti kata, memberi makna kata, mengenalpasti idea utama, menyusun idea dan mengintegrasikan idea dengan pengetahuan sedia ada. Semasa proses membaca, terdapat beberapa aktiviti yang kompleks seperti memahami dan mengingat, mengenalpasti dan memilih maklumat penting. Selain itu pembaca juga perlu menggunakan strategi yang sesuai untuk mengingat maklumat, pemantauan pemahaman dan membuat tindakan membetulkan kesilapan bila perlu.

Oleh itu, adalah penting untuk melatih pelajar menggunakan strategi tertentu semasa membaca bagi meningkatkan pemahaman pembacaan mereka di samping mengawal dan mengesan maklumat-maklumat penting yang terdapat dalam petikan serta meningkatkan motivasi. Ellen M. Markman (1981) dalam (John H. Flavell dan Patricia H. Miller, 1993) mengatakan untuk memahami cerita atau petikan yang terkandung ayat-ayat memerlukan lebih daripada memahami satu ayat secara berasingan. Pelajar atau kanak-kanak boleh menguji pemahaman petikan yang dibaca dengan cara memahami ayat-ayat utama dan cuba untuk mengintegrasikan ayat-ayat yang terdapat dalam petikan tersebut.

Pemahaman pembacaan dapat dipertingkatkan jika pembaca menggunakan banyak strategi metakognisi (Safiah Othman, 1997). Pembaca yang cekap dapat menyesuaikan strategi mengikut jenis teks yang dibaca. Seseorang pembaca itu sepatutnya dapat menggunakan strategi yang berbeza bila membaca teks jenis ekspositori berbanding dengan teks jenis naratif. Apa yang ditekankan ialah kesedaran dan kebolehan individu dalam menggunakan strategi-strategi metakognisi dan bukan sahaja bilangan strategi yang

digunakan malahan juga kepelbagaian dan kesesuaian strategi tersebut dengan bahan yang dibaca. Pembaca yang lemah biasanya akan menggunakan bilangan strategi yang terhad ataupun strategi yang tidak sesuai dan mereka tidak fleksibel dalam penggunaan strategi (Safiah Othman, 1997). Kelemahan dalam bidang ini menyebabkan pelajar-pelajar tidak memahami sesuatu petikan yang dibaca dan tidak dapat membincangkannya secara kritis dan analitis seperti matlamat yang dikehendaki oleh sukanan pelajaran.

Kajian yang dibuat oleh Marc Romainville (1994) yang bertajuk “Awareness of cognitive strategies: the relationship between university students’ metacognitive and their performance” mendapati pelajar pencapaian baik lebih sedar tentang undang-undang kognitif dan bagaimana meningkatkan pengetahuan metakognisi, proses kognitif dan hasil kognitif. Didapati juga pengetahuan metakognitif mereka juga lebih berstruktur dan tersusun mengikut hirarki.

Selain itu, kesukaran untuk memahami sesuatu petikan yang dibaca kerana tidak menggunakan strategi yang betul juga menyebabkan kemerosotan minat pelajar-pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran terutamanya Bahasa Malaysia yang digunakan sebagai pengantar bagi mata pelajaran lain juga iaitu dasar bahasa merentas kurikulum. Terdapat juga dakwaan yang disiarkan oleh pihak media mengatakan guru-guru tidak menggunakan pendekatan yang sesuai semasa proses pengajaran dan pembelajaran membaca. Masalah inilah yang menarik perhatian penyelidik untuk membuat kajian tentang penggunaan strategi metakognisi pemahaman pembacaan oleh pelajar.

Tujuan kajian.

Kajian ini dijalankan berlandaskan rangka teori metakognisi oleh Flavell. Matlamat utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti strategi-strategi metakognisi pemahaman pembacaan yang digunakan oleh pelajar-pelajar. Penggunaan strategi-strategi metakognisi membantu pelajar-pelajar melibatkan diri semasa aktiviti pembelajaran kerana ia menggalakkan pertuturan, dan pemikiran. Semasa membaca seseorang pelajar akan menjelaskan kepada dirinya tentang strategi-strategi yang sedang digunakan.

Strategi-strategi metakognisi melibatkan pemikiran tentang proses pemelajaran, merancang pemelajaran, mengawal tugas pemelajaran dan menilai sejauh mana pemelajaran tercapai. Strategi-strategi pemelajaran ini memerlukan pengetahuan kemahiran belajar yang tertentu seperti membaca sepantas lalu, berlatih berfikir dan menghafal. Dalam merancang strategi-strategi pelajaran, pelajar perlu tahu bila boleh digunakan strategi-strategi ini. Guru boleh mengajarkan strategi-strategi yang perlu semasa menyampaikan sesuatu pelajaran. Pelajar yang mendapat latihan yang baik dalam pembentukan dan pelaksanaan strategi semasa di sekolah dapat menggunakan strategi-strategi itu untuk mengatasi berbagai-bagai masalah pemelajaran dalam kehidupan mereka.

Kajian ini dibuat memandangkan penyelidikan dalam bidang metakognisi yang dijalankan oleh penyelidik-penyalidik sebelum ini tidak meluas sedangkan bidang ini dianggap penting untuk memberi kesedaran kepada pelajar untuk meningkatkan mutu pemahaman mereka dalam bidang bacaan. Dalam sistem pendidikan negara ini pendekatan metakognitif belum lagi begitu ketara dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa, kesusasteraan mahupun mata pelajaran lain (Safiah Othman, 1997). Jadi adalah wajar jika

tumpuan dan perhatian diberi kepada pendekatan metakognitif sebagai satu perspektif baru dalam dunia pendidikan. Pendekatan metakognitif cuba mengambil kira apa yang sudah ada dalam ingatan dan pemikiran pelajar khususnya dalam hal keupayaan memilih strategi-strategi yang sesuai.

Selain itu kajian ini dibuat bertujuan untuk meninjau dan menguji pemahaman pembacaan Bahasa Malaysia pelajar di peringkat sekolah menengah atas (Tingkatan Lima). Ini memandangkan kebolehan membaca dan memahami apa yang dibaca adalah satu kemahiran yang menjadi punca kepada pembelajaran yang berkesan dan penting sebelum pelajar meninggalkan bangku sekolah dan menyediakan diri untuk melibatkan diri dalam berbagai-bagai bidang lain yang lebih mencabar. Oleh itu pengkaji berpendapat adalah penting untuk melatih pelajar menggunakan strategi tertentu semasa membaca bagi meningkatkan pemahaman pembacaan mereka di samping mengawal dan mengesan maklumat-maklumat penting yang terdapat di dalam petikan. Tambahan pula sepanjang pengalaman penyelidik sebagai guru, didapati pelajar-pelajar tidak mempunyai kesedaran strategi dalam pemahaman pembacaan hingga menjelaskan pemahaman mereka tentang sesuatu bahan yang dibaca.

Soalan-soalan kajian.

Kajian ini dijalankan dengan tujuan ingin mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan yang berikut:

1. Apakah strategi-strategi metakognisi yang digunakan oleh pelajar semasa membaca?

2. Sejauh manakah keberkesanan strategi-strategi metakognisi ini bagi membantu pelajar memahami petikan yang dibaca?

Kepentingan kajian.

Kemampuan seseorang pelajar membaca dengan baik sering dijadikan ukuran sama ada dia telah menguasai bahasa dengan baik atau sebaliknya. Kajian ini menjadi pilihan penyelidik memandangkan ia perlu dalam konteks pelajar di sekolah kita pada hari ini yang masih lemah dalam pemahaman pembacaan. Kelemahan ini akan menjelaskan pencapaian mereka di dalam peperiksaan kelak.

Kajian ini adalah untuk melaporkan dan menghuraikan penggunaan strategi-strategi oleh pelajar semasa membaca petikan dan penyelidik akan menghuraikan jenis-jenis strategi tersebut dari sudut metakognisi. Kajian ini dilakukan untuk mata pelajaran Bahasa Malaysia memandangkan mata pelajaran Bahasa Malaysia sekolah menengah memberi tumpuan kepada penguasaan berbahasa dan ketepatan berkomunikasi untuk melahirkan pelajar yang fasih dan lancar dalam pertuturan, cekap, kritis dan analitis dalam pembacaan serta kreatif dalam menghasilkan penulisan.

Oleh itu kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada guru-guru untuk diaplikasikan di bilik darjah kerana penggunaan strategi metakognisi dalam pengajaran sedang hebat diperkatakan dalam seminar-seminar pendidikan masa kini. Penyelidik berharap kajian ini dapat membantu para pendidik mengenalpasti kebolehan pelajar mereka dan merancang pengajaran yang lebih berkesan dengan menggunakan teknik, kaedah dan pendekatan yang sesuai untuk membimbing pelajar menjadi pembaca

yang baik. Ini perlu untuk memahami masalah pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar dan membolehkan pihak guru dan sekolah merangka aktiviti yang sesuai bagi pelajar-pelajar menguasai kemahiran membaca.

Kajian ini juga diharap dapat menyedarkan pelajar-pelajar tentang keperluan penggunaan strategi metakognisi semasa membaca sesuatu teks sama ada teks ekspositori atau teks naratif dan mengamalkannya untuk pemelajaran akan datang. Aspek penggunaan strategi metakognisi ini dipilih oleh penyelidik sebagai bidang kajian kerana kemahiran atau pengetahuan dalam bidang ini boleh menyediakan para pelajar menjawab soalan-soalan peperiksaan berbentuk penulisan dengan lebih baik, tepat dan mengikut kehendak skima.

Penggunaannya bukan setakat dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia sahaja malah sesuai untuk mata pelajaran lain yang diajar di sekolah seperti Sains, Sejarah, Geografi dan Sastera. Selain itu dapat menyediakan pelajar yang bakal menjejakkan kaki ke pusat pengajian tinggi boleh menggunakan teknik ini sebagai strategi belajar khususnya bagi menjawab soalan-soalan yang pentingkan kemahiran membaca kritis seperti Sains.

Hasil kajian terhadap strategi metakognisi pemahaman pembacaan oleh pelajar tingkatan lima ini diharap dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pendidikan bahasa dan kebahasaan. Walau bagaimanapun dapatan yang dipaparkan dalam kajian ini hanya mewakili subjek kajian ini sahaja.

Batasan kajian.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan seorang pelajar tingkatan lima sebagai

subjek kajian kerana pelajar ini berada di peringkat persekolahan yang paling tinggi dan akan keluar dari alam persekolahan sebagai pelajar yang telah mendapat latihan yang mencukupi. Selain itu pengetahuan metakognisi ini lebih bermanfaat diajarkan di peringkat atas seperti sekolah menengah atau maktab-maktab dan kolej untuk melahirkan atau membentuk pemikiran pelajar supaya lebih matang dan lebih peka terhadap sesuatu bahan yang dibaca terutamanya bagi membimbing pelajar-pelajar yang bakal menjadi pembaca yang kritis dan analitis terhadap sesuatu bahan yang dibaca tersebut.

Kajian ini dibuat di sebuah sekolah menengah di kawasan Gombak, Selangor. Majoriti pelajar di sekolah ini adalah kaum Melayu berbangsa Minang. Kebanyakan keluarga pelajar adalah dari golongan sosio-ekonomi rendah dan sederhana. Pencapaian akademik sekolah ini adalah baik kerana terdapat banyak pelajar yang lulus dengan cemerlang dan terpilih untuk ke sekolah berasrama penuh. Sekolah ini gred A dan terdapat pelajar Tingkatan Satu hingga Tingkatan Enam dan dibahagikan kepada dua sesi iaitu pagi dan petang. Kajian ini hanya dibataskan kepada sekolah ini sahaja.

Definisi istilah.

Istilah-istilah yang tersenarai akan membawa maksud yang ditetapkan dalam kajian ini sahaja.

Strategi. Strategi merupakan prosedur yang digunakan dalam pengajaran berfikir atau lain-lain sebagai satu cara untuk mencapai matlamat. Dalam pembelajaran bahasa strategi pengajaran dan strategi komunikasi merupakan proses sedar atau tidak sedar yang digunakan oleh para pelajar bahasa dalam pembelajaran dan menggunakan bahasa tersebut.

Pemahaman pembacaan. Pemahaman adalah asas pembelajaran (Abd Aziz Abd Talib, 1993). Kajian ini hanya memberi tumpuan pada pemahaman pembacaan. Kefahaman membaca didefinisikan sebagai kebolehan untuk membaca dan lebih memahami teks bacaan. Selain itu kefahaman bacaan juga merupakan kebolehan mendapatkan makna yang dimaksudkan oleh penulis dengan memilih perkataan tepat yang digunakan oleh penulis untuk menyatakan idea.

Metakognisi. Metakognisi ditakrifkan sebagai pengetahuan dan pengawalan individu terhadap pemikiran dan aktiviti-aktiviti pembelajaran, termasuk aktiviti membaca dan pemahaman teks (Baker dan Brown, 1984). Dengan kata lain metakognisi adalah pengetahuan seseorang berkenaan dengan proses kognitif dan hasil atau kesan yang berkaitan dengannya.